

09/07/2000

Cerita Cina gemuk, Melayu kurus

Syed Akbar Ali

MURSYIDUL Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat berwawancara dengan sebuah akhbar Inggeris tempatan yang disiarkan pada 30 April lalu. Wawancara penuhnya dalam bahasa Melayu tersiar dalam Internet pada laman web akhbar itu juga.

Pertama sekali Nik Aziz ditanya jika beliau pandai berbahasa Inggeris. Jawapannya ialah: "Saya lompat-lompat saja, broken English. Dulu, sewaktu saya di Kaherah, saya boleh baca Egyptian Gazzette tapi sekarang ini, tak boleh, rugi betullah."

Sebenarnya bukan saja bahasa Inggerisnya melompat-lompat tapi bahasa Melayu Nik Aziz pun tergocoh-gocoh. Tetapi apabila berhadapan dengan wartawan Cina, Nik Aziz setuju ia `rugi betullah" baginya kerana tidak tahu berbahasa Inggeris. Sudah tentu yang dirasa rugi oleh Nik Aziz itu bukan ilmu agama tetapi ilmu sekular. Apabila berhadapan dengan orang kampung pula Nik Aziz menakutkan mereka tentang ilmu sekular. Bertuahlah Nik Aziz kerana orang kampung pun tak tahu bahasa Inggeris. Mereka turut rugi.

Antara sebab utama Nik Aziz menjadi popular di kalangan penduduk kampung terutama sekali di Kelantan ialah kerana beliau tahu cara yang `effective' untuk menghibur orang kampung dalam ucapan dan ceramahnya. Nik Aziz memberi sedikit penjelasan bagaimana beliau mempelajari taktik ini. Menurut Nik Aziz beliau menghafal "syair bahasa Arab bagi perkukuhkan bahasa Arab" dan "dalam ucapan saya selalu selit dengan pantun bahasa Arab, ayat Quran dan hadis."

Syair dan pantun `simple' diselitkan untuk menghiburkan orang kampung. Sebab itu orang kampung suka mendengar ucapan Nik Aziz dan rela menjadi pengikutnya. Tetapi al-Quran pula mengajar kita:

"Dan kami tidak mengajar syair kepadanya (Muhammad) dan bersyair itu tidaklah layak baginya. Al-Quran itu tidak lain hanyalah pelajaran dan kitab yang memberi penerangan." Surah 36:69.

Maksudnya, taktik syair itu tidak layak bagi Nabi dan Nabi tidak guna cara ini untuk mengeksploitasi sokongan orang. Tambah lagi sesudah Nabi diberi amaran yang berikut juga:

"Dan penyair itu diikuti oleh orang yang sesat" Surah 26:224.

Dalam menegakkan Islam, Nabi memberi penerangan yang terus terang daripada al-Quran. Tidak perlu kepada bahasa berbunga-bunga atau berbelit-belit.

Malangnya, Nik Aziz mengaku bukan saja beliau menjadi pengikut syair dan pantun tetapi beliau menggunakan syair dan pantun untuk menghibur orang kampung. Jelas perkara yang membezakan antara perjuangan Nabi dan politik Nik Aziz ialah Nabi tidak menggunakan Islam untuk memancing undi orang kampung.

Nik Aziz juga menyebut tentang akhlak pemuda pemudi. "Ibu bapa dulu mementingkan akhlak anak. Cukup jaga akhlak anak. Ibu bapa sekarang umumnya mengikut arus. Kalau Kerajaan suruh belajar mereka belajar. Kalau Kerajaan suruh tinggi akademik mereka tinggi akademik. Akhlak hampir tidak dipedulikan langsung. Ini sungguh mendukacitakan."

Kita perlu teliti perkara ini sebelum hendak menuduh ibu bapa. Memang tiada siapa boleh nafikan kita mesti menjaga dan mendidik generasi muda supaya akhlak mereka tidak terancam.

Malang sekali lagi Nik Aziz tidak menjelaskan bagaimana boleh terjadi kes di mana anak beliau sendiri ditangkap polis atas kesalahan memukul dan mencederakan anak orang lain. Jika anak murid tak patut kencing berlari

bolehkah tuan guru kencing berdiri? Nik Aziz juga tidak menjelaskan kes sebahagian ustaz dan guru agama, yang terbabit dalam kes mencabul, memukul bini dan merogol anak sendiri.

Walaupun Kelantan diperintah kaum ulama, kadar perceraian di negeri itu masih tinggi. Keruntuhan akhlak itu juga berpunca daripada keruntuhan rumah tangga.

Maka sebenarnya ustaz dan ulama tidak mempunyai sebarang kelebihan yang boleh menyelamatkan mereka sendiri ataupun anak mereka daripada mencabul, memukul bini atau memukul anak orang. Jadi di mana kelebihan ulama dan tuan guru sebagai pembimbing akhlak orang lain?

Dalam wawancara yang panjang itu, Nik Aziz juga menuduh Kerajaan Perikatan dulu menggunakan kekerasan. "Pada 1962, keganasan Parti Perikatan terhadap ahli ulama begitu mendukacitakan, selalu tangkap ulama, tangkap tok guru kampung, tangkap tok guru pondok ". Beliau juga kata: "Banyak ahli ulama Kelantan kena ISA di Batu Gajah."

Walaupun begitu ramai orang kononnya ditangkap, Nik Aziz tidak memberitahu nama seorang pun yang ditangkap atau tuduhan yang dikenakan atas orang itu. Inilah taktik klasik ulama politik iaitu melempar tuduhan tanpa disokong sebarang fakta yang sah.

Nik Aziz juga menuduh Umno anti Islam. Umno selalu sebut, Islam ini melampau, Islam ini ekstremis. Ini adalah satu pembohongan besar oleh Nik Aziz. Sehingga ini belum ada sesiapa pun daripada kalangan orang Melayu tidak kira ahli Umno, Pas, DAP, PRM, Keadilan atau Hamim yang berani kata Islam itu melampau atau ekstremis. Tidak perlulah Tuan Guru membohong seperti ini. Sudah tentu Maha Suci Allah mendengar apa yang kita cakap, Tuan Guru.

Kemudian Nik Aziz juga mengutarakan satu falsafah yang jelas dimaksudkan untuk pendengaran orang Cina saja (akhbar bahasa Inggeris yang mengadakan wawancara ini paling ramai pembacanya adalah orang Cina). Beliau berkata Pas tidak akan bezakan layanan antara kaum Cina dan Melayu.

"Melayu bagaimana miskinpun Melayu, bagaimana kuruspun Melayu. Cina juga, kurus pun Cina, gemuk pun Cina, kecil pun Cina, tua pun Cina, tak perlu dijaga. Bangsa tak perlu dijaga."

Sesudah alkisah Melayu kurus dan Cina gemuk yang tak perlu dijaga ini beliau bersambung: Yang jaga ini ialah benda yang boleh jadi hilang. Islam ini boleh jadi hilang. (Agama) Kristian boleh jadi hilang, (agama) Yahudi boleh jadi hilang. Hak kita ini kena jaga.

Kalau kita teliti al-Quran pula, Maha Suci Allah berjanji akan menjaga agama-Nya:

"Mereka menghendaki untuk memadamkan, dengan mulut mereka, cahaya Allah dan Allah tidak mahu melainkan untuk menyempurnakan cahaya-Nya, walaupun orang yang tidak percaya membencinya. Dia yang mengutus rasul-Nya dengan petunjuk dan agama yang benar, supaya dia mempertinggikannya di atas setiap agama, walaupun orang yang menyekutukan membencinya" Surah 9:32-33.

Tetapi, Nik Aziz pula hendak menjadi subkontraktor bukan saja nak jaga agama Islam tetapi juga agama Kristian dan Yahudi. Apakah beliau kurang yakin janji Maha Suci Allah untuk menjaga dan mempertinggikan agama-Nya?

Begitu juga, walaupun al-Quran tidak membezakan antara kaum, al-Quran memberi amaran kepada semua kaum:

"Wahai orang beriman, sesiapa di antara kamu yang berpaling daripada agamanya, maka Allah akan mendatangkan satu kaum yang Dia cintai." Surah 5:54

Maksudnya, jika sesuatu kaum atau bangsa itu tidak tahu menjaga diri dan hilang pedoman hidup, mereka boleh lenyap dan digantikan oleh satu kaum yang lain. Jadi setiap bangsa itu perlu dijaga dan diasuh dengan baik. Allah akan menjaga agama-Nya, kita perlu jaga bangsa kita.

Nik Aziz pula tidak mahu jaga bangsanya tetapi beliau mahu jaga agama

Allah. Walaupun Nik Aziz berjanji tidak akan menjaga mana-mana bangsa, dia sedia menolong orang Cina supaya nilai saham Pas akan naik di kalangan orang Cina.

Misalnya Nik Aziz berkata: "10 tahun saya memerintah Kelantan, saya tidak pernah bezakan Melayu dengan Cina. Semua duit Kerajaan saya bagi kepada sekolah Cina, milik tanah kepada Sekolah Chung Hwakan?"

Maka bersyukurlah kaum Cina kepada Nik Aziz atas pemberian tanah rizab Melayu kepada mereka. Bagaimanapun pemberian tanah rizab Melayu kepada bukan Melayu patut diteliti dulu dari segi undang-undang dan kanun tanah.

Kalau tidak betul ia mungkin menyusahkan orang lebih daripada menolong mereka. Lagipun negeri Kelantan pasti mempunyai banyak tanah yang bukan semuanya tanah rizab Melayu. Tetapi semua ini sebenarnya adalah gimik dan publisiti murah untuk Nik Aziz. Beliau mahu saham dia naik di kalangan orang Cina.

Dalam pada itu, Nik Aziz inginkan orang Cina semuanya masuk Islam. Mungkin tanah rizab Melayu itu adalah sebahagian daripada umpannya juga. Nik Aziz berkata: "Saya harap orang Cina tidak dikongkong oleh Barisan Nasional. Orang Cina, saya selalu sebut, lebih cerdik daripada orang Melayu. Kesihatan orang Cina lebih tinggi daripada orang Melayu, kekayaan orang Cina lebih daripada orang Melayu. Orang yang begini kalau boleh bimbing Islam, saya kata, "Lebih baik".

"Biar orang Cina memimpin Islam di Malaysia ini, biar orang Melayu turut. Bagi saya tak apa. Bagi saya orang Cina, orang Melayu, adik beradik semua, anak (Nabi) Adam semua. Tak ada dalam kepala saya Cina, Melayu, tak ada. Saya jalan tengok Islam, masyarakat Cina yang mempunyai pengalaman lebih banyak daripada orang Melayu, kesihatan yang lebih baik, kekayaan dia lebih tinggi, pengalaman dia lebih luas, orang yang macam inilah memimpin Islam."

Kalau begitu ya Tuan Guru, dalam negara kita sekarang juga ada hampir setengah juta orang India Islam dan Pakistan yang juga berpengalaman, cerdik, kaya dan sihat. Kenapa Tuan Guru tidak mahu menjemput mereka memimpin orang Melayu juga? Walaupun korum mereka di peti undi tidak seramai undi orang Cina tetapi bukankah roti canai dan teh tarik makanan yang halal juga?

Lagi pun sekarang ini kita sudah ada Perdana Menteri Melayu yang cerdik yang diakui dan disegani seluruh dunia. Tuan Guru sendiri kata Dr Mahathir seorang yang pintar. Apakah sebabnya Pas tidak suka melihat orang Melayu yang cerdik menjadi pemimpin orang Melayu? Apakah agama yang dijual oleh parti Pas itu cuma boleh berjaya dalam negeri Tanah Melayu ini hanya jika orang Melayu menjadi lebih bodoh daripada orang Cina?

Fasal apa ya Tuan Guru sanggup menghina bangsa Melayu teruk-teruk macam ini? Kalau nak bermanja dengan pengundi Cina pun janganlah sampai hati nak gadaikan maruah bangsa, ya Tuan Guru.

Nik Aziz juga keliru tentang persepsi orang Cina terhadap Pas. Nik Aziz mengisytiharkan orang Cina yang bukan Islam dan sekular belaka itu adalah lebih cerdik, lebih kaya dan lebih baik kesihatan daripada orang Melayu Islam. Kalau sudah begitu apakah dorongan bagi orang Cina untuk bergabung dengan orang yang dengan relanya mengaku sebagai kurang cerdik, miskin dan cacat kesihatannya? Orang Cina tetap cerdik, sihat dan kaya tidak kira mereka diberi tanah rizab Melayu atau tidak.

Tetapi Nik Aziz masih keliru. Apabila ditanya mengenai kenyataan kontroversi beliau orang Cina yang masuk Islam tidak akan mabuk atau berjudi jawabannya adalah:

"Cakapan saya diakui benar. Kalau orang Cina terima Islam, maka dengan sendiri orang Cina tidak akan buat benda-benda seperti arak, sebagai tauke arak. Orang Cina yang beragama Buddha, beragama Kristian, semua tahu.

(Agama) Buddha tak mahu bagi orang mabuk, Kristian pun tak mahu bagi

orang mabuk, agama manapun tak mahu bagi orang mabuk. Jadi percakapan saya itu betulkah salah?"

Tetapi seperti juga cerita maharaja berbogel, Nik Aziz nampak segala kecelaruannya sebagai betul. Beliau berkata: "Sampai sekarang pun saya tak nampak percakapan saya salah, Cuma boleh jadi pendedahan, cara saya dedah itu boleh jadi kasar sikit. Pendedahan kasar itu apa boleh buat. Sekali sekala takkanlah saya tak mahu dedah benda yang baru. Barulah ucapan saya itu menambahkan ilmu pengetahuan kepada pendengar."

Sebenarnya, yang terdedah di sini tidak lain daripada kepala otak Tuan Guru. Itu saja. Nik Aziz juga menyentuh tentang penulis. Beliau berkata "Baru-baru ini, Berita Minggu, seorang bernama Said, tulis teruk-teruk pada saya. Saya senyap, saya kata "Ini menambahkan populariti aku. Orang akan benci dia, orang akan benci Umno automatik."

Memang benar ya Tuan Guru, anta pandai cari populariti. Anta adalah seorang penghibur, seorang yang mengaku kurus, kurang cerdik dan miskin kepada orang Cina supaya mereka mengundi anta. Dalam keseronokkan anta mencari populariti ini, ia tidak berdosa jika Tuan Guru mengingati Tuhan sekali sekala.

Akhir sekali Nik Aziz berkata: "Saya tak ada rancangan untuk bersara dan saya tak ada rancangan untuk meneruskan kerja. Bersara pun tak ada rancangan, meneruskan kerja pun tak ada rancangan."

Ini adalah satu lagi contoh klasik cakap belit Tok Guru. Maksudnya dia tidak akan bersara.

Demikianlah kaliber seorang yang Tok Guru konon, dengan Cina gemuknya, Melayu kurus dan "Buddha tak mahu mabuk". Mungkin pada satu hari, dengan pertolongan kaum Cina yang jauh lebih cerdik, Nik Aziz akan menjadi Perdana Menteri.

Pada hari itu Melayu akan hilang di dunia. Kenapa? Sebab Tuan Guru sendiri sudah isytiharkan dalam bahasanya yang khusus "Melayu bangsa tak payah di jaga."

(END)